

4 pendekatan baiki pengurusan bencana

PUTRAJAYA - Kerajaan menggariskan empat pendekatan memperbaiki dan memperkemaskan pengurusan bencana negara, misalnya banjir, pada masa akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berikutan pelaksanaan operasi dalam kejadian banjir awal Disember lalu, beliau berkata, masih terdapat ruang untuk agensi kerajaan memperbaiki pengurusan bencana.

"Ini termasuk menambah baik sistem amaran awal banjir bagi memastikan maklumat dan amaran dapat disebarkan kepada umum dengan lebih berkesan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat di sini, semalam.

Selain itu, katanya pengurusan di pusat pemindahan diperkemaskan seperti penyediaan kemudahan tambahan, misalnya tempat memasak, bekalan air bersih, tandas, ruangan untuk golongan khas, tempat tidur dan tempat beribadah.

Turut diperkemaskan adalah pengurusan stor simpanan stok bekalan makanan dan keperluan lain di pusat pemindahan; pengurusan aset dan logistik, darat, udara dan air untuk tujuan memindahkan mangsa serta mengagih bekalan makanan dan keperluan lain ke pusat pemindahan.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengemas kini Prosedur Operasi Standard Pengendalian Bencana Banjir bagi menghadapi bencana banjir luar biasa," katanya.



Muhyiddin (kiri) berbual dengan Shahidan (kanan) sebelum mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

sa," katanya.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim dan Setiausaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab.

Muhyiddin berkata, perkara yang perlu diperbaiki dalam SOP pengurusan bencana banjir yang melibatkan fasa sebelum, semasa dan selepas banjir juga diputuskan dalam mesyuarat itu.

Ia termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperhalusi pengurusan di pusat pemindahan, mengenal pasti pusat pemindahan yang boleh menampung lebih ramai mangsa

dan melihat semula kemudahan di pusat pemindahan yang boleh memberikan penyelesaian kepada kumpulan sasar berkeperluan.

Beliau berkata, JKJ diminta mengkaji jumlah pusat simpanan stok bekalan keperluan terutamanya bagi daerah berisiko banjir, meningkatkan stok bekalan keperluan di stor bekalan apabila dijangka berlakunya banjir luar biasa selain memperbaiki sistem penghantaran ke pusat pemindahan.

"MKN akan mengkaji, memperkemaskan serta menambah aset pengurusan bencana di agensi penyelamat seperti trak dan bot penyelamat untuk memindahkan mangsa, pesakit serta membekalkan bekalan makanan dan keperluan lain ke pusat pemindahan," katanya. -Bernama